

# Lima individu dilepas, dibebaskan daripada pertuduhan edar dadah

**KUCHING:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam melepas dan membebaskan lima individu daripada pertuduhan mengedar lebih 42 kilogram Methamphetamine pada Oktober 2023.

Hakim Datuk Leonard David Shim memutuskan demikian terhadap Shirley Toh Mee Yee, Matthew Chin Yun Onn, Dellon Jong Wei Hong, Alan Lim Ing Tack dan Queenie Chang Lee Pin selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap mereka.

Mengikut pertuduhan, lima individu terbabit didakwa mengedar 42,200 gram Methamphetamine di bilik 208 sebuah hotel di Jalan Nanas di sini sekitar



**BINCANG:** Kelima-lima tertuduh dilihat bercakap dengan peguam masing-masing ketika berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam. — Gambar Desiree David

jam 12.30 tengah hari pada 12 Oktober 2023.

Pertuduhan dibuat

mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dibaca bersama Sek-

syen 34 Kanun Keseksaan.

Media terdahulu melaporkan, kesemua individu terbabit berusia antara 17 hingga 22 tahun ketika mereka ditahan bersama 42.4 kilogram syabu bernilai sekitar RM1.4 juta.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Fillany Siji itu menyaksikan sejumlah 15 saksi pendakwaan dipanggil untuk memberikan keterangan semasa perbicaraan.

Shirley, Dellon dan Queenie diwakili peguam Alex Kong, Tiong Ing Neng dan Patrick Voon, bersama pelatih dalam kamar Amarpriti Singh.

Matthew diwakili peguam Steven Beti dan Gerald Empaling Donald sementara Alan diwakili peguam Lim Lian Kee.